

18 JAN 2003

Zaid-Rombakan

AMBIL SIKAP POSITIF MENGENAI ROMBAKAN J/KUASA UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 18 Jan (Bernama) -- Anggota Umno yang tidak berpuas hati dengan rombakan Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan diminta mengambil sikap positif, praktikal dan toleransi.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Zaid Ibrahim berkata apa yang perlu dilakukan sekarang ialah kembali ke matlamat perjuangan asal parti untuk merampas semula Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum akan datang.

"Tumpuan ke arah itu (menang) penting dengan membentuk satu pasukan yang mantap tanpa mengira golongan tua atau muda," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan persekolahan kepada pelajar miskin di sini, hari ini.

Pada majlis itu seramai 480 pelajar miskin dari 22 buah sekolah di sini menerima bantuan pakaian sekolah dan basikal bernilai RM53,000 sumbangan Umno Bahagian Kota Baharu.

Zaid berkata demikian ketika ditanya kemungkinan ada pihak yang tidak berpuas hati dengan rombakan besar-besaran Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Kelantan Khamis lepas.

Dr Mahathir menamakan Zaid yang juga ketua bahagian Umno Kota Baharu sebagai timbalan pengerusi badan perhubungan itu, untuk mengambil alih tempat Datuk Annuar Musa (Ketua bahagian Umno Peringat) sementara mengekalkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai pengerusinya.

Turut dilantik ialah timbalan ketua bahagian Umno Bachok dan Pengerusi Tenaga Nasional Datuk Dr Awang Adek Hussin yang menggantikan Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman sebagai bendahari; timbalan ketua bahagian Tumpat Nawawi Jusoh yang menggantikan Tuan Mohd Hashim Tuan Yaakob (ketua bahagian Kubang Kerian) sebagai setiausaha perhubungan dan timbalan ketua bahagian Peringat Che Alwi Che Ahmad mengambil alih sebagai ketua penerangan daripada Datuk Ismail Mamat (ketua bahagian Machang).

Zaid yang merupakan seorang peguam terkemuka berkata jika ada yang tidak berpuas hati, mereka patut kembali ke "pangkal jalan" bagi menjayakan misi perjuangan menawan Kelantan supaya agenda membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Kelantan tercapai.

"Sesiapa yang cuba gagal dan menguji keutuhan parti akan menemui kegagalan," katanya.

Katanya matlamat Umno bukan memberi tumpuan kepada soal-soal individu sahaja tetapi yang lebih penting memenuhi hasrat rakyat berteraskan tradisi membela rakyat.

Beliau berkata pihak Umno Kelantan tidak akan memandang ringan perkembangan itu dan cuba mengatasinya supaya tidak menjadi masalah besar sehingga menjejaskan keutuhan parti.

Zaid percaya masalah itu dapat dibendung berdasarkan maklumat balas terkini yang diterimanya mendapati rombakan itu mendapat sokongan terbesar daripada rakyat negeri ini.

-- BERNAMA

WM BD RHM